

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1. Latar Belakang Masalah**

Dalam abad kelima masih sejarawan Cina Shen-Yao (414-512) dalam *Sung Shunya* sudah mencatatkan nama *Ho-lo-tan* ataupun *Kuo-lo-tan* sebagai sebuah ibu kota di Semenanjung Tanah Melayu. Satu abad kemudian, sesetengah sejarawan percaya bahawa kerajaan Sri Vijaya Pertama (Sri Vijaya Mala) telah wujud di Kelantan dan berkembang ke Malaya, Sumatera kira-kira pada akhir abad ketujuh. Sri Maharaja Jayanagar telah membangunkan sebuah ibu kota di Palembang (Sri Vijaya Kedua). Kelantan diserahkan kepada puteranya Sri Maharaja Dwiputra dan Palembang kepada puteranya Sri Maharaja Diraja. Kemudian kedua-dua kerajaan ini disatukan oleh Sanjaya (Jaya Sinha) cucu Jayanegar dalam satu empayar yang disebut oleh orang Cina, *San-fo-Tse* ( Tanah Sri Indah Sekebun Bunga ) iaitu dalam abad ke-8 M<sup>1</sup>.

Kelantan dalam sejarah Tamadun Melayu adalah unik kerana berperanan sebagai pusat bagi beberapa kerajaan Melayu lama dan kawasan pergolakan beberapa Dinasti Diraja yang berhubung kait dengan kerajaan-kerajaan sekitarnya seperti Patani, Nakhon Sithammarat, Siam, Kemboja, Campa di sebelah Utara dan dengan Terengganu, Pahang dan Johor di Selatannya. Oleh yang demikian,

---

<sup>1</sup>Abdul Halim b. Saad, *et. al* ( 1991 ), *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur : Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), h. 262.

sebelum zaman Kelantan moden di bawah Long Yunus, Kelantan merupakan beberapa buah kawasan yang diperintah oleh beberapa Dinasti Diraja Melayu<sup>2</sup>.

Para sejarawan tidak dapat memberikan tarikh yang tepat mengenai kedatangan Islam ke Kelantan kerana tiada bukti berkaitan dengannya. Namun demikian beberapa sejarawan berpendapat ianya pada abad ke - 12 M dan ada juga yang berpendapat lebih awal daripada itu.

Pada pertengahan abad ke -12 M seorang Syeikh dari Patani telah datang ke Sri Wijaya Kelantan ( ibu kotanya dipercayai terletak di Kuala Krai sekarang ) untuk mengembangkan Islam<sup>3</sup>.

Ibnu Batūtah seorang pengembara Arab yang telah belseyar dari India ke Tiongkok pada tahun 1297 M (697 H) telah menyebut ‘ *Kilu Krai* ’ (Kuala Krai sekarang) sebagai sebuah negeri yang disinggahinya .Beliau telah menemui seorang Raja perempuan yang telah memeluk Islam bernama Urduja di Kelantan<sup>4</sup>. Catatan ini menjelaskan tentang kemungkinan syiar Islam telah menyinar di negeri Cik Siti Wan Kembang seawal abad ke- 12 M lagi.

Sejarawan tempatan pula telah meletakkan tarikh kemasukan Islam ke Kelantan selewat-lewatnya dalam abad ke -12 M (6H), ini berdasarkan sekeping

---

<sup>2</sup> *Ibid*, h. 262.

<sup>3</sup> Alias Mohamed (1975), *Kelantan, Politik Dan Dilema Pembangunan*. Kuala Lumpur : Utusan Melayu (M), h.2.

<sup>4</sup> Abdul Rahman al-Ahmadi (1985), “*Ibnu Batutah pernah singgah di Kuala Krai , Kelantan* ”, *Kelantan Dalam Perspektif Sosio Budaya* . Kuala Lumpur : Jabatan Pengajian Melayu, UM, h. 113-115.

dinar emas yang telah dijumpai di Kota Kubang Labu Kelantan pada tahun 1912 M Menurut penulis sejarah Kelantan, dinar itu mengandungi tulisan Arab yang berbunyi “ *al-Mutawakkil ‘alā Allāh* ” yang bererti ( yang berserah kepada Allah), manakala di sebelah lagi tercatat perkataan “ *al-Julūs Kelantan* ” dan di atas tulisan itu terdapat pula tulisan berbentuk “ ᳚᳚᳚ ” bererti “ 577 ” iaitu dikatakan tahun 577 H (1180 M)<sup>5</sup>.

W.G Shellabear menyatakan bahawa di era pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1488-1528) Kerajaan Melaka telah menyerang untuk menakluki Kelantan yang pada masa itu telah pun Islam. Catatan beliau :

“ *Arakian maka Sultan Mahmud Syah menitahkan Seri Maharaja menyerang Kelantan. Pada zaman itu Kelantan negeri besar lebih daripada Patani, Sultan Mansur Syah nama Rajanya, anak sepupu kepada Sultan Iskandar Syah, tiada baginda menyembah Melaka, anaknya daripada cucu Raja Culan. Maka Seri Maharaja pun pergihal... Lalu berperang beramuk-amukan... maka kota Kelantan pun alah* ”<sup>6</sup>.

Berdasarkan kepada keterangan-keterangan berkenaan kemasukan Islam ke Kelantan, bolehlah dikatakan bahawa Kelantan merupakan negeri yang pertama menerima Islam di Malaysia. Ini adalah kerana negeri-negeri lain seperti negeri Terengganu menerima Islam pada tahun 1303 M, Melaka pada tahun 1488 M dan negeri Kedah pula ialah pada tahun 1501 M<sup>7</sup>.

<sup>5</sup> Mohd Zain Sallah (1986), *Islam Di Negeri Kelantan*. Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, h. 20.

<sup>6</sup> W.G Shallabear (1967), *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur : Oxford University Press, h. 197.

<sup>7</sup> Nor Rozi ( Oktober 1982), “ *Kedatangan Agama Islam Ke Alam Melayu* ”, bil. 146, Utusan Kiblat. Kuala Lumpur : Utusan Melayu (M) Berhad, h. 48.

Negeri Kelantan Adalah merupakan salah satu negeri Persekutuan Tanah Melayu Yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Ia bersempadan dengan negeri Terengganu di sebelah Timur, Pahang di Selatan, Perak di Barat, Thailand di sebelah Utara dan Laut Cina Selatan di sebelah Timurnya ( Sila lihat Lampiran 1 ).

Keluasannya 14,922 km. persegi, negeri ini terbahagi kepada sepuluh buah jajahan, setiap jajahan diketuai oleh seorang Ketua Jajahan. Jajahan-jajahan tersebut ialah Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Bachok, Pasir Puteh, Kuala Krai, Gua Musang, Tanah Merah dan Jeli. Lokasi Kajian ini tertumpu di Daerah Limbongan di dalam Jajahan Pasir Puteh<sup>8</sup>.

### 1.1. Pasir Puteh

Pada 10 Mac 1909 British telah membahagikan negeri-negeri Melayu dengan Siam di mana British telah mengambil Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis, manakala Siam pula telah memerintah Patani, Menara, Jalor dan Setol<sup>9</sup>.

Jajahan Pasir Puteh telah mendapat nama kerana satu peristiwa yang berlaku pada tahun 1911. Peristiwa tersebut berlaku dalam suatu istiadat dan keramaian yang telah diadakan bagi menyambut Sultan Muhammad Syah IV yang merasmikan pembukaan Pekan Pasir Puteh yang terletak di dalam daerah Pasir Puteh. Bermula

---

<sup>8</sup> Peta Kelantan, Jajahan Pasir Puteh Dan Limbongan (Sila lihat Lampiran 1,2 & 3)

<sup>9</sup> Mohd. Kamaruzzaman A. Rahman (1992), *Penasihat Inggeris : Pembaharuan Pentadbiran Negeri Kelantan Dan Pengukuhan Kuasa 1910-1920*. Warisan Kelantan XI, Kelantan : Perbadanan Muzium, h. 56-72.

dari sinilah tempat ini dinamakan Pasir Puteh, di mana sebelumnya tempat itu dinamakan Pengkalan Limbongan<sup>10</sup>.

Jajahan Pasir Puteh amat terkenal di dalam sejarah perjuangan Islam kerana lahirnya seorang ulama yang telah mati ‘syahid’ (kerana memperjuangkan Islam) dibunuh oleh tentera British dan askar Sikh. Tok Janggut atau pun nama sebenarnya ialah Haji Mat Hassan b. Panglima Munas<sup>11</sup> adalah nama yang harum di dalam lipatan sejarah kerana keberaniannya menentang British akibat daripada penindasan dan ketidakadilan mereka.

Tok Janggut yang telah mendapat pendidikan di Mekah adalah murid kepada Syekh Ahmad al-Fatāñī, manakala Syekh Ahmad pula adalah murid kepada Syekh Daud al-Fatāñī yang kuat menentang penjajahan oleh kaum kafir di wilayah Patani<sup>12</sup>.

Tok Janggut bangkit menentang British pada April 1915 tetapi gagal membebaskan watannya kerana tidak mendapat sokongan istana bahkan pihak British telah memperalatkan istana<sup>13</sup>. Pihak British telah memfitnah Tok Janggut, Ungku Besar, Penghulu Adam, Encik Sohok, dan Haji Said sebagai penderhaka kerana mencetuskan huru-hara. Tok Janggut telah mati syahid di kampung Dalam

<sup>10</sup> Haji Buyong Adil (1983), *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan : Abad ke 15-19*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 222

<sup>11</sup> Dinamakan Tok Janggut kerana mempunyai janggut yang panjang, beliau dilahirkan di kampung Saring, daerah Jeram pada tahun 1268 H / 1850 M.

<sup>12</sup> Nik Anuar Nik Mahmud (2000), *Tok Janggut Pejuang Atau Penderhaka ?*, c. 2. Selangor : Malindo Printers, h. 23.

<sup>13</sup> *Ibid*, h. 38.

Pupuh, mayatnya telah diarak di sekeliling bandar Kota Bharu dan digantung songsang ( disait ) selama empat jam. Kebangkitan dan perjuangan Tok Janggut adalah satu mata rantai kebangkitan ummah menentang perluasan kuasa kolonial Barat ke atas dunia Islam<sup>14</sup> ( Sila lihat Lampiran 2 ).

Jajahan Pasir Puteh merupakan jajahan yang kelima luasnya di antara jajahan yang terdapat di negeri Kelantan. Jajahan ini wujud sebelum tahun 1914 lagi iaitu di zaman pemerintahan British di Kelantan, yang mana pentadbiran jajahan dikendalikan oleh seorang wakil penasihat British yang dikenali sebagai Ketua Jajahan<sup>15</sup>.

Jajahan Pasir Puteh bersempadan di sebelah Utara dengan Jajahan Kota Bharu, di sebelah Barat dengan Jajahan Machang, di sebelah Timur Laut dengan Jajahan Bachok dan di sebelah Selatan bersempadan dengan Negeri Terengganu. Pasir Puteh juga mempunyai pesisir pantai Laut China Selatan yang panjang, terus ke Jajahan Bachok, Kota Bharu dan Tumpat<sup>16</sup>.

Manakala bentuk muka bumi Jajahan Pasir Puteh terbahagi kepada tanah yang berbukit bukau dan tanah rendah. Tanah yang berbukit-bukit ini kebanyakannya bersempadan dengan Jajahan Machang dan Jajahan Bachok seperti Bukit Mak Lipah, Bukit Jerus, Bukit Bayah, Bukit Parang, Bukit Merbau dan Bukit Kawi. Tanah rendah pula diairi oleh sungai utama iaitu Sungai Semerak

---

<sup>14</sup> *Ibid.*, h. 17.

<sup>15</sup> **Buku Taklimat Pembangunan Jajahan (1998)** , Sempena Lawatan Y.A.B Menteri Besar Ke Jajahan Pasir Puteh , Kelantan : Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh, h.1.

<sup>16</sup> Peta Jajahan Pasir Puteh, sila lihat Lampiran 4.

dan anak-anak sungainya. Keluasan Jajahan Pasir Puteh adalah kira-kira 433.83 kilometer Persegi /167.2 batu persegi atau 43,383 hektar / 107,200 ekar<sup>17</sup>.

Jajahan Pasir Puteh terbahagi kepada 8 Daerah Penggawa, dengan 33 mukim tanah, 73 mukim Penghulu dan 284 buah kampung. Keluasan jajahan Pasir Puteh mengikut daerah seperti di Jadual 1.

**JADUAL 1 : KELUASAN DAERAH PASIR PUTEH, MUKIM DAN PERATUSNYA**

BIL	DAERAH PENGGAWA	BIL. MUKIM	LUAS KM PERSEGI	PERATUS KELUASAN
1	Padang Pak Amat	4	54.39	12.54 %
2	Bukit Abal	6	46.62	10.74 %
3	Bukit Awang	3	28.49	6.57 %
4	Bukit Jawa	6	77.96	17.97 %
5	Gong Datok	4	38.85	8.95 %
6	Jeram	3	51	11.94 %
7	Semerak	4	116.55	26.87 %
8	Limbongan	3	19.17	4.45 %
Jumlah		33 Mukim	433.8 km persegi	

**Sumber :** Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh Kelantan.

Kawasan yang menjadi tumpuan utama penempatan penduduk di jajahan Pasir Puteh adalah di dalam kawasan Majlis Daerah Pasir Puteh. Penempatan yang lain adalah bertaburan dengan dipengaruhi oleh faktor ekonomi dan sosial.

---

<sup>17</sup>*op.cit.*, h. 1.

Penduduk Jajahan Pasir Puteh pada tahun 1991 seramai 96,806, jumlah ini merupakan 8.19 % daripada jumlah keseluruhan penduduk negeri Kelantan yang berjumlah seramai 1,181,680 orang seperti dalam Jadual 2 di bawah. Manakala anggaran penduduk Jajahan Pasir Puteh pada tahun 2000 adalah seramai 80,420 orang<sup>18</sup>. Kadar pertumbuhan tahunan penduduk ialah sebanyak 2.9 %.

**JADUAL 2 : PERBANDINGAN PENDUDUK  
ANTARA JAJAHAN PASIR PUTEH DENGAN  
NEGERI KELANTAN**

PERBANDINGAN	KELUASAN (km <sup>2</sup> )	PENDUDUK 1991	ANGGARAN 1996
JAJAHAN PASIR PUTEH	433.83	96,802	112,925
N. KELANTAN	14,992	1,181,680	1,411,100

**Sumber :** Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan berdasarkan bancian 1991 dan 1996.

Daripada jumlah penduduk Pasir Puteh seramai 80,420 orang (mengikut bancian sehingga tahun 2000), seramai 78,572 orang adalah berketurunan Melayu, 706 orang Cina, 17 orang India, 605 orang lain-lain bangsa dan 492 orang warga asing.

---

<sup>18</sup> Statistik berkaitan populasi yang paling terkini di Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan hanya setakat tahun 2000.

Sila lihat Jadual 3 di bawah :

**JADUAL 3 : PERATUSAN KOMPOSISI PENDUDUK  
MENGIKUT ETNIK SEHINGGA 2000**

TAHUN	ETNIK	BIL. PENDUDUK	PERATUS
Tahun 2000	Melayu (Bumiputera)	80,420	98 %
	Cina	706	0.87 %
	India	17	0.02 %
	Lain-lain	605	0.75 %
	Warga asing	492	0.61 %

Sumber : Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan berdasarkan bancian 2000 <sup>19</sup>.

Fasiliti yang terdapat di Pasir Puteh ini ialah sekolah seperti tadika sebanyak 37 buah, sekolah rendah 36 buah, sekolah menengah 07 buah, sekolah Menengah Agama 10 buah, sekolah swasta 03 buah dan sekolah pondok 02 buah<sup>20</sup>. Kemudahan kesihatan pula ialah hospital, pejabat kesihatan, klinik desa, klinik swasta pusat kesihatan kecil rumah bidan. Kemudahan sosial ialah dengan adanya masjid 57 buah, madrasah 352 buah dan dewan orang ramai 162 buah. Kemudahan perhubungan ialah pejabat pos, wakil pos dan pondok telefon awam dan menara telekomunikasi, stesen bas dan kereta sewa.

Satu jalan pintas baru ‘ bypass ’ telah dibina untuk mengelakkan kenderaan untuk ke Kota Bharu atau Terengganu daripada melalui bandar Pasir Puteh. Jalan tersebut menghubungkan Kelubi dengan jalan ke Terengganu tanpa

<sup>19</sup> Dato’ Shaari Abd. Rahman (2000), *Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Dan Mukim*. Kelantan : Jabatan Perangkaan Malaysia, h. 215.

<sup>20</sup> *Buku Taklimat Pembangunan Jajahan Pasir Puteh* (1991), Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan), Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh, h.8.

memasuki bandar sekaligus dapat mengelakkan kesesakan lalulintas dalam bandar Pasir Puteh kerana keadaan jalan yang sempit dan tidak dapat lagi menampung jumlah kenderaan yang semakin meningkat. Ia juga bertujuan untuk mengelakkan lalu lintas daripada mengharungi banjir di bandar Pasir Puteh kerana ia termasuk kawasan berhampiran sungai yang mudah ditenggelami air. Pasir Puteh memang pesat membangun sesuai dengannya yang terletak di jalan besar yang menghubungkan Kelantan dengan Pantai Barat Semenanjung<sup>21</sup>.

## 1.2. Limbongan

Daerah ini diberi nama Limbongan kerana pada zaman dahulu di antara kurun ke-18 dan 19 bertempat di tebing sungai berhampiran bandar Pasir Puteh sekarang ini, merupakan pusat membina dan membaiki kapal. Berdasarkan sejarah tempatan, hampir kesemua kapal-kapal di negeri ini dibina di Limbongan kerana penduduk-penduduk di sini terkenal sebagai pekerja yang mahir dalam pembinaan kapal. Kawasan ini juga merupakan sebagai pelabuhan, di mana kapal-kapal dapat keluar masuk melalui sungai Semerak yang pada ketika itu luas serta dalam.

Limbongan juga merupakan pusat perdagangan yang penting kerana kapal layar, kapal dan bedal sering kali berulang-alik dari Terengganu, Singapura dan Selatan Thailand membawa barang dagangan masing-masing di samping membawa keluar barang dagangan dari sini seperti kayu api, kelapa dan sebagainya<sup>22</sup>.

---

<sup>21</sup> Temu bual dengan Abd. Aziz b. Mat Yusof, Pegawai Petempatan Kanan Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh pada 19.03.2003.

<sup>22</sup> Profail Daerah Limbongan Pasir Puteh Kelantan (2000), Pejabat Penggawa Limbongan, hal.1.

Daerah Limbongan merupakan daerah yang merangkumi seluruh bandar Pasir Puteh dan keseluruhan daerah berada dalam kawasan Majlis Daerah Pasir Puteh. Ianya bersempadan dengan Daerah Padang Pak Amat di sebelah Utara / Barat Laut, Daerah Semerak di sebelah Timur / Timut Laut, Daerah Bukit Awang di sebelah Tenggara, Gong Datuk di sebelah Selatan serta Daerah Jeram di sebelah Barat Daya ( Sila lihat Lampiran 5 ).

Daerah ini mempunya 4 buah mukim sebagaimana di Jadual 4 di bawah :

**JADUAL 4 : MUKIM-MUKIM DI PASIR PUTEH DAN  
KELUASANNYA**

BIL.	MUKIM	KELUASAN
1.	Pasir Puteh	3.5 batu persegi (2,250 ekar)
2.	Pengkalan	1.2 batu persegi (774 ekar)
3.	Bandar Pasir Puteh	1.1 batu persegi (678 ekar)
4.	Gong Chapa	1.6 batu persegi (1,034 ekar)
<b>JUMLAH</b>		7.4 batu persegi (4,736 ekar)

**Sumber :** Profail Daerah Limbongan Pasir Puteh Kelantan Darul al-Naim 2003, Pejabat Penggawa Daerah Limbongan.

Jumlah Keluasan bagi daerah Limbongan ialah 7.4 batu persegi (4,736 ekar)<sup>23</sup>. Daerah Limbongan mempunyai keadaan bentuk muka bumi yang rata, yang mana sedikit sahaja keadaan tanah lembah dan berpaya. Ianya amat sesuai untuk dijadikan tapak perumahan dan tanah pertanian.

---

<sup>23</sup> *Ibid.*, h. 1.

Jumlah penduduk bagi daerah Limbongan ialah seramai 14,164 orang. Kiraan penduduk ini adalah berdasarkan kepada bancian daripada Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan tahun 2000<sup>24</sup>. Kebanyakan penduduk tertumpu di kawasan penempatan yang sedia ada dan sekitar kawasan pusat bandar. Penduduknya terdiri dari etnik Melayu, Cina, India dan lain-lain. Pecahan penduduk mengikut mukim dan kampung mukim Bandar Pasir Puteh adalah sebagaimana jadual 5 berikut :

**JADUAL 5 : PECAHAN PENDUDUK MENGIKUT ETNIK DAN  
KAMPUNG**

KAMPUNG	MELAYU		CINA		LAIN-LAIN		JUMLAH
	L	P	L	P	L	P	
Pasir Puteh Tengah	712	823	192	201	24	26	1,978
Pasir Puteh Timur	705	811	201	229			1,946
Pasir Puteh Barat	726	820	193	251			1,990
Kelubi	791	819	16	37			1,663
Dalam Kemunting	479	512					991
<b>JUMLAH :</b>	<b>3,413</b>	<b>3,765</b>	<b>602</b>	<b>718</b>	<b>24</b>	<b>26</b>	<b>8,568</b>

**Sumber :** Profail Daerah Limbongan Pasir Puteh Kelantan Darul al-Naim 2003, Pejabat Penggawa Daerah Limbongan.

Daerah Limbongan disediakan dengan prasarana yang mencukupi di mana terdapat tujuh buah sekolah rendah, dua buah sekolah menengah, sebuah sekolah agama negeri, dua buah sekolah agama swasta, enam buah taman bimbingan kanak-kanak dan kelas al-Qurān.

Pejabat-pejabat kerajaan semuanya terdapat di sini seperti pejabat tanah, balai polis, mahkamah, jabatan pendidikan dan lain-lain lagi. Kemudahan hospital

<sup>24</sup> Dato' Shaari Abdul Rahman (2000), *op.cit*, h. 215.

juga disediakan iaitu Hospital Tengku Anis, Pusat Kesihatan Bandar dan klinik pergiliran. Klinik swasta juga banyak terdapat di sini iaitu sebanyak dua belas buah.

Kemudahan sosial yang disediakan ialah dewan, padang, perpustakaan dan taman permainan. Kemudahan beribadat pula ialah terdapat tujuh buah masjid dan empat puluh buah madrasah. Tempat ibadat orang bukan Islam juga disediakan iaitu sebuah tokong Cina di Kampung Gelam<sup>25</sup>.

Bank-bank untuk kemudahan kewangan juga terdapat di sini di samping kemudahan-kemudahan lain yang biasa terdapat di sesbuah Bandar. Kelebihan yang terdapat di daerah ini ialah dengan terdapatnya sebuah desa '*Taqwā*' iaitu di Kampung Wakaf Bunut yang dijadikan model oleh Kerajaan Negeri sebagai desa contoh<sup>26</sup>.

### **1.3. SMU (A) Saniah**

SMU (A) Saniah terletak di Daerah Limbongan di Bandar Pasir Puteh, kedudukannya di tengah-tengah Bandar amat strategik dan memudahkan urusan pengangkutan. Ia dibina di atas sebidang tanah yang berkeluasan lima ekar yang amat sesuai bagi sebuah sekolah menengah agama negeri (Lihat Lampiran 5).

Madrasah Saniah telah diasaskan bersama oleh Yang Berbahagia Nik Mustaffa Fathil bin Dato' Haji Mahmood ( Dato' Seri Amar Diraja ), semasa

---

<sup>25</sup> *Ibid*, h. 12 – 16.

<sup>26</sup> *Ibid*, h. 18.

beliau menjadi Penolong Ketua Jajahan Pasir Puteh. Yang mulia Almarhum Tuan Haji Ismail bin Haji Wan Aras, semasa Almarhum menjadi Penolong Jabatan Kerja Raya Pasir Puteh dan oleh yang mulia Almarhum Che Omar bin Che Puteh yang berasal dari Perak semasa beliau menjadi kerani besar di Pejabat Jajahan Pasir Puteh.<sup>27</sup>

Sekolah ini mula dibina di belakang Sekolah Perempuan Pasir Puteh pada 12 Februari 1940 dan didaftarkan di majlis Agama Islam Kelantan pada 15 Februari 1940 sebagai sebuah Sekolah Rakyat. Guru besar yang mula-mula mengajar di sekolah berkenaan ialah puan Hajah Sharifah Alawiyah selama lebih kurang lapan bulan dan telah digantikan oleh ustazah Khasiah bt. Hanafiah, kemudian beliau telah digantikan oleh puan Hajah Anyar Dawamin setelah berkhidmat selama dua bulan. Che Omarlah yang bertanggungjawab membawa Hajah Anyar dari Jenderam Selangor sebagai guru pinjaman. Beliau telah menjawat jawatan sebagai guru besar dari tahun 1940 hingga 1970. Pada zaman beliaulah banyak peristiwa pahit berlaku seperti perlucutan jawatan 10 orang guru oleh Jawatankuasa Pengelola Sekolah Puteri Saniah pada 08 Disember 1970. Manakala Hajah Anyar pula telah diturunkan jawatan sebagai Guru Penolong.

Pada tahun 1941 sekolah ini kemudiannya telah berpindah ke kampung Gelam. Bangunan ini telah dipinjamkan oleh Che Omar Puteh (salah seorang pengasas sekolah ini).

---

<sup>27</sup> Temu bual dengan Dato' Hj. Mohamad b. Idris D.J.M.K K.M.N S.M.K pada 19.03.2003, Beliau seorang yang sangat dikenali dan berjasa dengan SMU (A) Saniah, bekas pelajar Maahad Muhammadi Jalan Merbau Kota Bharu, Kelantan.

Pada tahun 1948 sekolah ini berpindah pula ke tempat bangunan yang ada sekarang dengan panggilan sekolah Pokok Rambai. Bangunannya dibina secara gotong-royong oleh ibu bapa para pelajar dan orang ramai.

Pada tahun 1960, bangunan batu didirikan dengan perbelanjaan sebanyak RM150,000 ( termasuk alat-alat kelengkapan sekolah ) dan telah dibuka dengan rasminya oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri Malaysia pada 19 Mei 1961. Pada tahun 1964 telah dimulakan kelas sembilan dan juga peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Malaysia <sup>28</sup>.

Pada tahun 1964 sebatang jalanraya telah dibina menerusi bantuan Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebanyak RM 20,000 dan telah dibuka dengan rasminya oleh Yang Amat Berhormat Tun Hj. Abd. Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 6 November 1964. Semasa upacara merasmikan jalan ini Yang Amat Berhormat telah memberikan bantuan sebanyak RM 41,000 bagi pembinaan dewan makan dan kelas urusan rumah tangga.

Pada peringkat awal dahulu sekolah ini dikatakan mendapat kemajuan sepenuhnya dari segenap segi termasuk peningkatan jumlah murid dari 21 orang telah bertambah hingga 539 orang dan jumlah guru telah meningkat dari seorang ke 20 orang . Pencapaian keputusan Sijil Rendah Pelajaran Malaysia pada waktu itu adalah sangat cemerlang iaitu seramai 127 orang yang telah berjaya.

---

<sup>28</sup> *Majalah Al-Saniah* (1995), bil. 3. Kelantan : Percetakan Zul Rahim Sdn. Bhd., h. 21-24.

Pada tahun 1967 sekolah ini telah bertukar menjadi Sekolah Menengah Ugama di bawah Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dan pada tahun 1983 pula diambil alih oleh YIK.

Sekolah ini telah berkembang dengan pesatnya dan sekarang muncul sebagai sebuah sekolah yang disegani daripada segi pencapaian akademik dan sahsiah para pelajarnya. Sekarang terdapat sebanyak 66 orang guru, 29 lelaki dan 37 perempuan yang terdiri daripada berbagai kelulusan dalam negeri seperti UM, UPM, USM, UiTM dan UPM. Manakala luar negeri pula seperti Mesir, Madinah dan Riyadh. Terdapat seramai 03 orang daripada mereka adalah berkelulusan ijazah sarjana universiti tempatan dalam bidang Agama, Sains Politik dan Linguistik. Guru yang memiliki ijazah ialah seramai 33 orang iaitu 20 lelaki dan 13 perempuan, manakala yang mempunyai diploma dan STPM, STTUP dan STPM ialah berjumlah 33 orang iaitu 09 lelaki dan 24 perempuan. Manakala jumlah pelajarnya pula adalah seramai 1,234 orang iaitu 436 lelaki dan 798 perempuan<sup>29</sup>.

Semenjak diambil alih oleh YIK sekolah ini telah mengalami pembangunan yang pesat dengan terbinanya lima blok bangunan. YIK telah memberikan peruntukan untuk pembinaan asrama pada tahun 1996 dan kini dihuni oleh 70 pelajar perempuan, manakala pelajar lelaki pula menginap di rumah sewa di kawasan berhampiran. Sekolah ini juga mempunyai sebuah makmal sains, perpustakaan, bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu, padang

<sup>29</sup> Temu bual dengan Ust. Abd. Aziz b. Ismail, Pengetua Saniah, pada 12.03.2003, beliau mula memegang jawatan Pengetua sekolah ini pada 1 Jun 2000, sebelum ini beliau memegang jawatan Ponolong Kanan 1 di sekolah ini juga.

permainan, dan sebuah masjid yang mula dibina pada tahun 1996 dan sudah siap sebanyak 80 peratus untuk kegunaan para pelajar membuat aktiviti pembinaan sahsiah.

Perkembangan teknologi maklumat dan perhubungan juga tidak ketinggalan di mana terdapat lapan buah komputer untuk kemudahan guru dan pelajar disediakan<sup>30</sup>. Bermula tahun 2003 pihak YIK juga telah menyediakan komputer riba dan alat pemancar digital untuk digunakan di dalam pengajaran sains dan matematik bagi tingkatan satu.

Sebagai sebuah sekolah di bawah pentadbiran YIK, SMU (A) Saniah telah menerima pakai dwi kurikulum yang telah digabungjalinkan (*integrated learning*) iaitu di antara kurikulum yang digubal oleh YIK dan juga kurikulum kebangsaan. Penggunaan dwi kurikulum ini adalah satu keistimewaan bagi sekolah-sekolah di bawah YIK kerana mereka tidak tercicir dari arus perdana '*main stream*' Pendidikan Kebangsaan. Penggabungjalinan ini berobjektif untuk menjayakan matlamat pendidikan YIK iaitu :

*"Malahirkan insan mukmin yang berilmu pengetahuan, beramal soleh, bertakwa dan layak berkhidmat untuk membangunkan keluarga, masyarakat dan negara"<sup>31</sup>.*

Berdasarkan falsafahnya maka matlamat pendidikan YIK ialah :

---

<sup>30</sup> Temu bual dengan Ust. Muhyiddin b. Ghazali, Penolong Kanan II, pada 19.03.2003, di pejabatnya.

<sup>31</sup> Taklimat Yayasan Islam Kelantan, h. 2

*“ Pendidikan Islam sebagaimana diterangkan dalam istilah-istilah tarbiyah iaitu ta’lim, ta’dib, irsyād dan tadrīs adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu muslim sebagai hamba Allah dan khalifahNya di bumi secara menyeluruh dan bersepakat bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani dan aqliah, akidah dan jasmani berdasarkan ajaran Islam”<sup>32</sup>.*

Mengikut kurikulum YIK, kurikulum agama dan bahasa Arab adalah digubal sendiri oleh YIK yang melayakkan para pelajar SMU (A) Saniah dan lain-lain sekolah seumpamanya menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah Ugama (PMRU) bagi tingkatan dua, Sijil Menengah Ugama (SMU) bagi tingkatan empat manakala Sijil Tinggi Ugama (STU) bagi tingkatan enam rendah telah digantikan dengan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) bermula tahun 2002<sup>33</sup>.

Pada tahun 1994, SMU (A) Saniah telah menggunakan kurikulum baru yang digubal oleh YIK berdasarkan sukanan pelajaran yang ditetapkan oleh Universiti al-Azhar. Sukanan pelajaran ini merupakan ‘*manhaj*’ yang sama digunakan di sekolah-sekolah menengah agama kendalian al-Azhar di Mesir (*Maāhid al-Bu’uth al-Azhariyyah*). Penggunaan ‘*manhaj*’ ini pada awalnya telah menimbulkan pro dan kontra di kalangan guru disebabkan sukatannya yang agak susah dan tidak sesuai dengan tahap pelajar. Namun pelaksanaan ini diteruskan kerana ia adalah ketetapan al-Azhar sebagai syarat kelayakan untuk menyambung pelajaran ke Universiti al-Azhar Mesir<sup>34</sup>.

---

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> Pihak Kementerian Pendidikan melalui JAPIM telah mewajibkan semua sekolah agama Negeri dan Rakyat mengambil STAM bermula tahun 2001 lagi. Pihak YIK berjuang untuk mengekalkan STU tetapi tidak berjaya, justeru pada tahun 2002 semua sekolahnya mengambil STAM pada 2003.

<sup>34</sup> Temu bual dengan Ust. Abd. Aziz b. Ismail, Pengetua Saniah pada 12.03.2003.

Setiap pelajar SMU (A) Saniah diwajibkan mengikuti gerak kerja kurikulum dengan menganggotai sekurang-kurangnya dua badan atau persatuan yang ada di sekolah. Ini adalah memandangkan kepentingan kokurikulum sebagai salah satu metode untuk mencapai matlamat pendidikan seperti yang disimpulkan oleh jawantankuasa kabinet yang mengkaji dasar pembelajaran :

*“ Kokurikulum adalah penting untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan ‘ esprit de corps ’ di antara pelajar pelbagai keturunan yang mempunyai latar belakang dan cara hidup yang berlainan. Ia juga bertujuan melatih mereka berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka ceburi <sup>35</sup> ”.*

Kokurikulum yang dijalankan di SMU (A) Saniah adalah dalam bentuk sukan, badan, persatuan dan kelab. Ia dapat dibahagikan kepada enam persatuan atau kelab. Persatuan ikhtisas, persatuan beruniform, badan atau kelab, persatuan usahawan muda, sukan dan persatuan ilmiah <sup>36</sup>.

Para guru di sekolah ini mempunyai dasar penekanan kepada kegiatan kokurikulum yang berbentuk ilmiah kepada para pelajarnya. Antara kegiatan ilmiah yang dianjurkan oleh sekolah ini ialah syaranan dalam bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Arab, kuiz matematik, sains dan bahasa Arab, pertandingan mengarang, tahniz dan tilawah al-Qurān. Aspek kesenian juga tidak diabaikan, oleh sebab itu pada tiap-tiap tahun diadakan pertandingan nasyid sehingga ke peringkat negeri. Acara sukan juga mendapat sambutan menggalakkan daripada para pelajar, antara acara sukan yang disediakan ialah bola sepak, bola jaring, ping-pong,

---

<sup>35</sup> Bentuk Dan Peranan Kokurikulum Ke Arah Pencapaian Matlamat Pendidikan YIK, h.20

<sup>36</sup> Lihat Majalah al-Saniah (1995), *op. cit.*, h. 25.

badminton, sepak takraw dan dart. Justeru, SMU (A) Saniah sebagai sebuah sekolah agama dapat mengekalkan kecermerlangannya daripada sudut pencapaian akademik dan juga aktiviti kokurikulum.

## 2. Pengertian Tajuk

Tajuk disertasi ini ialah “ **PROGRAM PEMBINAAN SAHSIAH (PPS)<sup>37</sup> DI SEKOLAH MENENGAH UGAMA (A) SANIAH PASIR PUTEH, KELANTAN** ”. Berikut dinyatakan huraian secara terperinci mengenai tajuk tersebut.

**Program** : Berasal daripada Bahasa Inggeris ‘*programme* ’ yang bererti rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan (dalam pembangunan negara, perekonomian dan lain-lain) <sup>38</sup>. Program atau pun ‘*programme* ’ bererti rancangan-rancangan ataupun dasar-dasar <sup>39</sup>.

**Pembinaan** : Berasal daripada perkataan Arab iaitu ‘بَنَاءً’ (*Banā*) yang bererti membina, lawannya ialah meruntuhkan <sup>40</sup>. Perkataan ‘الْبَنَاءُ’ (*al-Binā’u*) : Kata jamaknya ‘ابنِيَّةٌ’ (*abniyah*) iaitu daripada tempat tinggal, ertinya juga rumah-rumah yang didiami oleh orang Arab di padang Pasir, Abu Hanifah menggunakan

---

<sup>37</sup> Selepas ini akan disebut PPS.

<sup>38</sup> Teuku Iskandar Dr (1989), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 984. Lihat juga A-H Johns, Prof. (1991), *Kamus Inggeris Melayu Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1243.

<sup>39</sup> Munir Ba’labakki (1990), *al-Mawrid*, c. 24. Beirut : Kamus Inggeris – Arab, Dār al-‘Ilmi Li-al-Malāyīn, h. 728.

<sup>40</sup> Louis Makhlūf (t.t), *al-Munjid Fi al-Lughah*, c. 17. Beirut : Maktabah Kathūlīkiyyah, , h. 50. Lihat juga Fairuz Abādī (1967), *Al- Munjid al-Abjadī*. Beirut : Dār al-Masyriq, h. 213.

perkataan ‘*al-binā’u*’ yang menunjukkan kepada pembinaan sebuah kapal <sup>41</sup>, ‘*al-binā’u*’ juga bererti perbuatan (kegiatan, usaha dan sebagainya) membina (mendirikan, membangunkan), pembangunan <sup>42</sup>. Perkataan ‘*Banā’* bererti membina dinding dan sebagainya, dikatakan : Membina kapal dan rumah, digunakan secara ‘*majaz*’ <sup>43</sup> dan mempunyai beberapa makna yang berkisar sekitar mengasaskan dan menyuburkan <sup>44</sup>.

**Sahsiah :** Berasal daripada perkataan Arab iaitu ‘شخصية’ (*Syakhsiyah*), kata dasarnya ialah ‘شخص’ (*syakhasyo*) iaitu kumpulan individu manusia<sup>45</sup>. Kata jamaknya ‘شخصيات’ (*syakhsiyāt*) yang bererti identiti ‘الذاتية’ (*al-dhātiyyah*), contohnya : Seorang lelaki yang terkenal dengan sebab jawatan ataupun kemahiran, identiti yang menonjol<sup>46</sup>. Berasal daripada perkataan ‘الشخصية’ (*al-syakhsiyah*) iaitu : ciri-ciri fizikal dan emosi yang berbeza di antara seorang manusia dengan yang lain<sup>47</sup>. *Al-Syakhsiyah* : Sifat-sifat yang membezakan seseorang daripada yang lain, dikatakan : seseorang yang mempunyai sahsiah kuat, sifat-sifat istimewa, kehendak dan keperibadian yang tersendiri<sup>48</sup>.

<sup>41</sup> Muhammad b. Mukrim Ibnu Manzūr (1997), *Liqān al-‘Arab*, j. 1. Beirut : Dār Sādir, h. 258.

<sup>42</sup> Teuku Iskandar (1989), *op. cit.*, h. 148. Lihat juga Jubrān Mas’ūd (1967), *al-Rā’id* . Beirūt : Dār al-‘Ilmi Li al-Malāyīn, h. 74, 75.

<sup>43</sup> Secara simbolik ataupun bukan maknanya yang sebenar.

<sup>44</sup> Ibrāhīm Madkūr Dr. (t.t), *Al-Mu’jam al-Waṣīṭ*, j. 1, c. 3. Kaherah : Majma’ al-Lughatul al-Arabiah, h. 74, 75.

<sup>45</sup> Ibnu Manzūr (1997), *op. cit.*, h. 406.

<sup>46</sup> *Ibid.*, h. 588.

<sup>47</sup> Jubrān Mas’ūd (1967), *op. cit.*, h. 869.

<sup>48</sup> Ibrāhīm Madkūr Dr.(t.t), *op. cit.*, h. 494.

**Sekolah Menengah Ugama (A) Saniah Pasir Puteh, Kelantan :** Sebuah institusi pendidikan menengah agama yang menggunakan medium bahasa Arab di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan<sup>49</sup>( YIK ) di bawah Akta Pendidikan<sup>50</sup>. Ia merupakan sekolah bantuan penuh Kerajaan Negeri ( SMAN )<sup>51</sup> dan tidak layak mendapat geran perkapita daripada kerajaan pusat. Pada awal penubuhannya ia adalah sebuah sekolah agama rakyat yang ditadbir oleh MAIK dan JASA sebelum diambil alih oleh YIK<sup>52</sup>. Saniah diambil daripada perkataan ‘al-Saniyyah’ iaitu nama sebuah Sekolah Tinggi Perempuan di Mesir yang masyhur suatu ketika dahulu.

Sekolah ini terletak di Negeri Kelantan, Jajahan Pasir Puteh di dalam Daerah Limbongan. Semua sekolah agama di bawah YIK menggunakan akronim ‘U’ untuk agama sebagai menandakan nama khas dan (A) untuk Arab yang menunjukkan ia menggunakan bahasa Arab sebagai medium pengajaran dan pembelajaran dan membezakannya daripada SMKA<sup>53</sup>.

Sekolah ini adalah sebuah sekolah yang turut sama berada di arus perdana (*main stream*) pendidikan kebangsaan, cuma ia berbeza statusnya daripada Sekolah Agama Rakyat ( SAR ). Mengikut tafsiran Kementerian Pendidikan, SAR

<sup>49</sup> Selepas ini akan disebut YIK.

<sup>50</sup> YIK mula ditubuhkan bagi menggantikan YPNIK pada 01 Mac 1979 berdasarkan Enakmen Kelantan no. 8 tahun 1982.

<sup>51</sup> Atau pun (SAN) ialah Sekolah Menengah Agama Negeri mengikut akronim JAKIM ataupun JAPIM. SMAN di Kelantan berjumlah 18 buah kesemuanya dan terdapat di semua jajahan.

<sup>52</sup> SAR ialah sebuah institusi pendidikan Islam yang mengalami perubahan setelah kemerosotan sistem pondok dengan memberikan tumpuan kepada ilmu agama dan ilmu dunia (mata pelajaran umum), ia juga bererti sekolah persendirian di kampung-kampung.

<sup>53</sup> Akronim kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di bawah Kementerian Pendidikan yang hanya belajar beberapa subjek Arab.

ataupun SMAR ialah sekolah yang ditubuhkan dan dibiayai oleh masyarakat setempat dengan sedikit bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pelbagai pihak lain. Sekolah ini didaftarkan di bawah pihak berkuasa negeri sebagai SAR<sup>54</sup>.

Dwi kurikulum dipraktikkan di sekolah ini, iaitu kurikulum Arab / Agama daripada universiti al-Azhar dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Para pelajar lepasan sekolah ini mempunyai dua jenis sijil iaitu sijil peperiksan awam seperti PMR, SPM, STAM dan STPM, manakala sijil peperiksaan kelolaan YIK pula ialah PMRU dan SMU.

Berdasarkan kepada pengertian tajuk tersebut dapatlah disimpulkan bahawa Program Pembinaan Sahsiah adalah amat berkaitan dengan program pembangunan insan, program dakwah dan juga program tarbiyah untuk mendidik, membina dan menanamkan akhlak dan nilai-nilai murni Islam. Program ini akan membina identiti dan jati diri pelajar menjadi seorang Islam yang baik (*soleh*) yang mampu memimpin masyarakat dan membasmi penyakit sosial yang melanda remaja kita masa kini. Program Pembinaan Sahsiah ini juga berkait rapat dengan Pendidikan Islam itu sendiri yang tidak memisahkan antara dua aspek iaitu dunia dan akhirat.

### **3. Perumusan Masalah**

Berdasarkan latar belakang masalah tersebut penulis dapat merumuskan

---

<sup>54</sup> Dangirun Mustapha, “**Kurikulum Sekolah Agama Di Malaysia**”, Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sekolah-Sekolah Agama 1999, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan.USM, h. 5.

masalah-masalah berikut sebagai persoalan utama yang akan dibincangkan dalam disertasi ini.

3.1. Apakah sukatan dan teks program PPS yang dijalankan di SMU (A) Saniah ?

3.2. Bagaimanakah metode pelaksanaan berdasarkan sukatan tersebut ?

3.3. Sejauh manakah kesan program tersebut terhadap sahsiah dan kepemimpinan pelajar ?

3.4. Apakah masalah yang timbul di dalam melaksanakan program tersebut ?

#### **4. Alasan Memilih Tajuk**

Penulis amat tertarik untuk mengkaji tajuk ini berdasarkan beberapa rasional dan alasan sebagaimana berikut :

4.1. Tajuk ini belum pernah dikaji lagi walaupun program ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan pada tahun 1993 dan dilaksanakan di semua sekolah YIK sebanyak 93 buah.

4.2. Penyakit atau gejala sosial di kalangan muda-mudi amat kronik pada masa kini dan semua pihak masing-masing menundung jari ke arah satu sama lain tanpa adanya penyelesaian yang konkret.

4.3. Tajuk ini sesuai dengan bidang penulis iaitu Sejarah Dan Tamadun Islam, tambahan lagi penulis adalah seorang pengurus di sebuah sekolah YIK, pernah menganggotai Unit Dakwah YIK, pernah dilantik sebagai ‘*mas’ūl*’<sup>55</sup> PPS dan terlibat sama sebagai ahli jawatankuasa semasa pelancaran program ini pada tahun 1993.

4.4. Program PPS ini berkesan sebagai pemangkin untuk mengubati penyakit sosial remaja yang amat kritikal dan melatih mereka sebagai pemimpin masa depan yang berkarsma.

4.5. Hasil penyelidikan akan dapat membantu YIK mengemaskinikan lagi program ini dan menjadi model kepada pihak lain yang sedang mencari-cari kaedah untuk menyelesaikan masalah penyakit sosial remaja yang semakin parah mengikut cara agama.

## 5. Objektif Penyelidikan

Penyelidikan ini adalah sebahagian daripada syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Usuluddin di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Namun

---

<sup>55</sup> Orang yang dilantik terus oleh YIK dan bertanggungjawab melaksanakan program PPS dan tarbiyah di sekolah.

demikian terdapat objektif utama yang lain mengapa penyelidikan ini dibuat, ia adalah seperti berikut :

5.1. Menyelidik tentang program PPS yang hanya terdapat di sekolah-sekolah YIK sahaja untuk membina sahsiah, mencegah penyakit sosial dan mengembangkan bakat kepemimpinan pelajar.

5.2. Sejauh mana keberkesanan PPS sebagai pemangkin membentuk sahsiah, mencegah penyakit sosial dan mengembangkan bakat kepemimpinan pelajar.

5.3. Mengkaji tentang kerelevan sukan dan metode PPS untuk diaplikasikan di sekolah masa kini.

5.4. Menyelidik tentang pelaksanaan program PPS dan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dan guru yang terlibat.

5.5. Program alternatif yang boleh diketengahkan sebagai model program yang mampu membina sahsiah remaja, bakat kepemimpinan dan menyelesaikan masalah penyakit sosial yang semakin kronik.

## **6. Kepentingan Kajian**

Tajuk ini amat penting untuk dikaji kerana ia berkaitan dengan satu program atau pun kaedah untuk membina dan membaiki sahsiah remaja melalui

pendekatan program keagamaan. Keruntuhan akhlak dan berleluasanya gejala sosial di negara kita menandakan para remaja telah rosak dan perlu dibimbing dengan pendekatan agama yang komprehensif. Kepentingan kajian dapatlah dirumuskan sebagaimana berikut :

6.1. Kajian ini akan membuktikan sejauh mana keberkesanan program untuk membina sahsiah dan bakat kepemimpinan pelajar. Para pelajar dapat mengubah sikap, bekerjasama dengan guru dan mengikuti program ini dengan penuh minat dan tanggungjawab.

6.2. Pihak sekolah dapat mengenal pasti kelemahan dan kekurangan pelaksanaan program seterusnya dapat memperbaikinya supaya benar-benar bermanfaat kepada para pelajar.

6.3. Dapatkan kajian ini akan membantu pihak YIK mengetahui keberkesanan program secara tepat serta kelemahannya dan membuat langkah-langkah susulan untuk mempermudahkan lagi perjalanan dan pelaksanaannya di semua sekolah YIK.

6.4. Para ibu bapa dan masyarakat setempat mendapat kerjasama pihak sekolah dengan adanya program ini kerana ia membantu mereka membentuk sahsiah mulia anak-anak. Anak-anak mereka tidak menghabiskan masa cuti dan hari minggu dengan perkara-perkara yang tidak bermanfaat seperti lepak dan berpeleseran. Hasil daripada program ini akan mengurangkan lagi masalah sosial di kalangan remaja.

6.5. Program yang dikaji dapat dimanfaatkan oleh pihak kerajaan sebagai satu model pengisian program keagamaan di dalam menangani masalah sosial yang melanda remaja di negara kita. Penyelesaian permasalahan sosial melalui agama ini akan menjadi perkara yang akan diutamakan oleh mana-mana pihak yang inginkan keberkesanan di dalam menyelesaikan permasalahan tersebut.

## **7. Skop Dan Pembatasan Kajian**

Skop kajian hanya memberikan tumpuan kepada SMU (A) Saniah sahaja, ini bermakna sekolah-sekolah lain tidak termasuk di dalam kajian ini.

Fokus utama ialah tentang Program Pembinaan Sahsiah (PPS) yang telah dijalankan oleh pihak sekolah dan sejauh mana keberkesanannya kepada para pelajar dan masalah-masalah yang dihadapi di dalam proses pelaksanaannya.

## **8. Metodologi Penyelidikan**

Dalam usaha menyiapkan penulisan dan penyelidikan ini penulis telah menggunakan beberapa metode sebagaimana berikut :

### **8.1. Metode Pengumpulan Data**

Untuk mengumpulkan data yang sesuai dalam rangka penyusunan disertasi ini penulis menggunakan beberapa metode iaitu : metode *observasi*, *historis*, dokumentasi, interviu dan metode soal selidik. Dalam usaha pengumpulan data, penulis menggunakan beberapa metode iaitu :

## **8.2. Metode *Historis***

Metode ‘*historis*’ bererti satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian<sup>56</sup>. Ia juga merupakan prosedur ilmiah dari proses sejarah sesuatu masalah sebagai dasar untuk memahami kajian yang berlaku sekarang dan memberikan perspektif terhadap situasi yang akan datang<sup>57</sup>. Metode ini digunakan dengan tujuan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai sejarah.

## **8.3. Metode Dokumentasi**

Metode ini dilakukan dengan mengumpulkan data-data serta mengkaji dokumen-dokumen yang berhubungan dengan masalah-masalah yang dikaji<sup>58</sup>. Dokumen ialah bahan bertulis yang dapat memberikan berbagai keterangan seperti gambar-gambar, potret, kumpulan hukum, peraturan, keputusan pengalihan<sup>59</sup>, surat-surat peribadi, buku catatan harian, memori, surat kabar, dokumen-dokumen pemerintah, cerita-cerita roman dan cerita rakyat<sup>60</sup>.

Penulis telah mengumpulkan data-data melalui Buku Panduan PPS, buku-buku, dokumen berkaitan PPS di sekolah Saniah, majalah-majalah dan lain-lain lagi. Setelah diteliti, data-data yang relevan dengan kajian akan diambil oleh penulis sebagai bahan. Buku Panduan PPS amat penting bagi penulis untuk dikaji

<sup>56</sup> Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 52.

<sup>57</sup> Wirma Surachmad (1970), *Dasar Dan Teknik Research Pengantar Metodologi Ilmiah*. Bandong : Penerbit C. V. Tarsito, h. 123.

<sup>58</sup> Abdul Halim Mat Diah Dr. (1987), “*Satu Contoh Tentang Huraiyan Metodologi*”. ( Nota kuliah sarjana, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur). h. 52.

<sup>59</sup> Imam Barnadib (1982), *op. cit.* h. 55.

<sup>60</sup> Koentjaraningrat (1977), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: P.T. Gramedia, h. 48.

samada pelaksanaan bertepatan dengan arahan-arahan yang terdapat di dalam dokumen asal dan apakah masalah dan sejauh manakah keberkesanannya .

#### **8.4. Metode Interviu**

Metode interviu merangkumi cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada seseorang responden, dengan bercakap secara berhadapan muka. Metode ini merupakan pembantu utama kepada metode *observasi*<sup>61</sup>.

#### **8.5. Metode Observasi**

Metode ‘*observasi*’ berkait rapat dengan metode wawancara. Metode ‘*observasi*’ atau pengamatan ialah cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian. Di dalamnya terdapat pengamatan pengalaman penelitian dalam masalah yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji<sup>62</sup>. Pengalaman yang dialami oleh penulis secara langsung dalam masalah-masalah yang mempunyai hubungan dengan objek penyelidikan juga dikira sebagai metode ‘*observasi*’.

#### **8.6. Metode Soal Selidik**

Soal selidik berbentuk satu senarai soalan-soalan yang bertulis. Soalan-soalan itu disediakan oleh penulis difikirkan merangkumi maklumat-maklumat yang diperlukan<sup>63</sup>

<sup>61</sup> Koentjaraningrat (1983), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: P.T. Gramedia, h. 162.

<sup>62</sup> Abdul Halim Mat Diah Dr. (1986), *Filsafat Pendidikan Islam Di Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia*. Jogjakarta : Disertasi Ph. D (IAIN), Sunan Kalijaga, h. 129

<sup>63</sup> Samaruddin Rejab & Nazri Abdullah (1993), *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 31.

## **8.7. Metode Analisis Data**

Sementara dalam usaha menganalisis data yang diperolehi, penulis menggunakan metode-metode berikut:

### **8.7.1. Metode Induktif**

Metode induktif iaitu satu cara untuk menganalisis data yang diperolehi melalui pola pemikiran yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum<sup>64</sup>.

### **8.7.2. Metode Deduktif**

Metode deduktif iaitu cara menganalisis data serta melakukan penulisan berdasarkan kepada pola pemikiran yang mencari bukti berdasarkan dalil-dalil umum terhadap hal-hal yang khusus<sup>65</sup>.

### **8.7.3. Metode Komparatif**

Metode komparatif iaitu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap semua fakta dan data-data yang diperolehi<sup>66</sup>.

Huraian yang lebih jelas lagi mengenai metodologi penulisan ini akan dinyatakan secara terperinci dalam bab ketiga iaitu bab metodologi.

<sup>64</sup> Imam Barnadib (1982) , *op. cit.*, h. 51.

<sup>65</sup> Abdul Halim Mat Diah Dr. (1986), *op. cit.*, h. 134.

<sup>66</sup> *Ibid*, h. 136.

## **9. Sistematika Penulisan**

Penulis telah membahagikan kajian ini kepada lima bab dan setiap bab pula dipecah-pecahan kepada bahagian-bahagian yang kecil.

9.1. Bab Pertama : Pendahuluan yang merangkumi latar belakang masalah, alasan memilih tajuk, pengertian tajuk, perumusan masalah, tujuan penulisan, skop dan pembatasan, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

9.2. Bab Kedua : Penulis membahaskan landasan teori dengan mengemukakan kajian tentang Pembinaan Sahsiah Menurut Perspektif Islam, teori pembinaan sahsiah menurut al-Imām al-Ghażālī dan Ibnu Khaldūn serta perbandingan aspek pembinaan sahsiah antara Islam dan Barat.

9.3. Bab Ketiga : Mengandungi kaedah-kaedah dan metode-metode yang digunakan oleh penulis dalam menyiapkan kajian ini. Metode-metode asas yang digunakan adalah metode pengumpulan data dan metode analisis data. Penulis juga menggunakan metode soal-selidik, interviu dan dokumentasi bagi mendapatkan data yang diperlukan bagi menyiapkan disertasi ini.

9.4. Bab Keempat : Penulis mengemukakan di dalam bab ini hasil laporan penyelidikan dan analisis data, semua dapatan kajian seperti sukatan, kaedah pelaksanaan, kesan dan masalah.

9.5. Bab Kelima : Bab terakhir ini penulis merumuskan kajian dan membuat kesimpulan di samping saranan-saranan.

9.6. Bahagian Akhir : Mengandungi senarai bibliografi seperti al-Qurān, Hadīth, ensaiklopedia, buku-buku rujukan dalam bahasa Arab, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Pada bahagian akhir sekali penulis memasukkan lampiran-lampiran seperti akuan penyelidikan, statistik pelajar, keratan akhbar, gambar, peta dan Buku Panduan PPS dan lain-lain lagi.